



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN KELANTAN

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
ENCIK HUSSIN BIN HASSAN
PENYELIA MASJID KAMPUNG LAUT

OLEH:

AMINNOOR MANJA BIN MAT ZAIN	2013355917
MUHAMMAD ZHRILYUHAIZA BIN MOHD ZAHARI	2013399961

PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 05 (MAC 2016 – JULAI 2016)

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
ENCIK HUSSIN BIN HASSAN
PENYELIA MASJID KAMPUNG LAUT

OLEH:

AMINNOOR MANJA BIN MAT ZAIN

2013355917

MUHAMMAD ZHRILYUHAIZA BIN MOHD ZAHARI

2013399961

PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 05 (MAC 2016 – JULAI 2016)

PENGHARGAAN

PENGHARGAAN

“Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih Lagi Maha Penyayang”.

Assalamualaikum w.b.t...

Pertamanya kami memanjatkan kesyukuran kehadiran Allah S.W.T yang telah memberi limpah rahmat dan kurnianya serta peluang kepada kami untuk menyiapkan tugas ini dengan jaya dan sempurnanya setelah menempuhi pelbagai halangan dan dugaan sepanjang tempoh menyiapkannya. Sesungguhnya, tugas ini telah banyak memberi ujian kepada kami dengan realiti persekitaran sebenar dalam memperoleh maklumat berkenaan kisah rakyat yang telah dipilih. Walaubagaimanapun, ianya telah banyak memberi manfaat kepada kami dalam menyempurnakan tugas ini.

Disini kami ingin merakamkan ucapan jutaan terima kasih kepada Encik Hussin bin Hassan kerana di atas kesudian beliau menerima kami untuk di temuramah dan sanggup meluangkan masa beliau kepada kami. Beliau juga tidak loket untuk berkongsi cerita tentang kisah Masjid Kampung Laut

Tidak lupa juga, kami ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada pensyarah kami Puan Nor Kamariah binti Chik iaitu merangkap pensyarah yang mengajar kami dalam subjek IMR604, Pendokumentasian Sejarah Lisan ini kerana banyak memberi tunjuk ajar kepada kami sepanjang menyiapkan tugas ini. Segala jasa dan tunjuk ajar pensyarah ini amat kami hargai dan kami manfaatkan sepenuhnya.

Sekalung terima kasih buat semua teman seperjuangan yang telah sama-sama berkongsi idea dan membantu kami ketika menyiapkan tugas ini secara langsung atau tidak langsung.

Akhir kata, kami ingin mengucapkan ribuan terima kasih yang tidak terhingga kepada keluarga kami yang tidak jemu memberikan sokongan dan dorongan sama ada dalam bentuk tenaga, mahupun kewangan bagi membantu kami dalam menyiapkan tugas ini dengan sempurna. Segala jasa baik semua pihak dan individu yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menyiapkan tugas ini akan dibalas dengan ganjaran dari Allah S.W.T. Amin...

ISI KANDUNGAN

ISI KANDUNGAN

TAJUK	MUKA SURAT
Penghargaan.....	i
Isi Kandungan.....	ii
Abstrak.....	iii
Biodata Tokoh.....	iv
Pengenalan.....	v
Transkrip	
Bahagian 1: Latar Belakang Tokoh.....	1
Bahagian 2: Asal Usul Masjid Kg Laut	6
Bahagian 3: Faktor Perpindahan	20
Bahagian 4: Seni Bina Dan Struktur Masjid	25
Lampiran	
Log Temubual.....	40
Diari Kajian.....	44
Senarai soalan.....	47
Surat Perjanjian.....	53
Gambar.....	54
Rujukan	57
Indeks.....	58

ABSTRAK

ABSTRAK

Abstrak: *Transkrip ini mengandungi temubual bersama Encik Hussin bin Hassan mengenai kisah Masjid Kampung Laut yang menjadi salah satu Cerita Rakyat yang ada di Negeri Kelantan. Beliau adalah pengkisah yang telah menceritakan kisah Masjid Kampung Laut. Temubual ini telah dijalankan di anjung Masjid Kampung Laut yang kini terletak di Nilam Puri, Kota Bharu, Kelantan pada 21 April 2016 bermula jam 12:00 tengahari. Encik Hussin yang lebih mesra disapa dengan panggilan Pak Cik Hussin merupakan penyelia yang ditugaskan oleh pihak Muzium Negeri Kelantan untuk menjaga Masjid Kampung Laut di Nilam Puri. Masjid Kampung Laut adalah masjid yang tertua di negara ini dan mempunyai pelbagai kisah di sebaliknya. Transkrip ini menyentuh serba sedikit mengenai latar belakang pengkisah dan asal-usul Masjid Kampung Laut serta faktor perpindahannya ke Nilam Puri. Temubual ini juga banyak menekankan tentang senibina dan struktur Masjid Kampung Laut yang dikatakan unik kerana pembinaannya dikatakan tidak menggunakan sepucuk paku dan ianya menggunakan kaedah pasak untuk mengunci struktur kayu.*

Kata kunci: *Encik Hussin bin Hassan, Masjid Kampung Laut, Cerita Rakyat, Muzium Negeri Kelantan, Nilam Puri, Kota Bharu, Kelantan.*

BIODATA TOKOH

BIODATA TOKOH



- Nama** : Encik Hussin bin Hassan
- Nama panggilan** : Pak Cik Hussin
- Umur** : 65 tahun
- Alamat** : Kampung Kedai Piah, 16450 Ketereh, Kota Bharu, Kelantan.
- Kaitan dengan Masjid Kampung Laut** : Pegawai Muzium Negeri Kelantan yang bertugas sebagai penyelia dan penjaga Masjid Kampung Laut.
- No Telefon** : 013-9662171

PENGENALAN

PENGENALAN

Temubual ini adalah di antara penyelidik dengan Encik Husin Bin Hassan iaitu pengurus ataupun penjaga Masjid Kampung Laut yang terletak di Nilam Puri. Temubual ini dijalankan di Masjid Kampung Laut, Nilam Puri. Sesi temubual bersama Encik Hussin Bin Hassan ini telah dijalankan pada hari Khamis yang bertarikh 21 April 2016, pada pukul 11.30 pagi. Temubual ini berkisar tentang latar belakang Masjid Kampung Laut, struktur dan seni bina masjid tersebut.

Masjid Kampung Laut merupakan sebuah masjid yang terletak di jajahan Kota Bharu, Kelantan. Ia terletak di Nilam Puri berhadapan dengan Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya kampus cawangan Kelantan, iaitu 20 km dari pusat bandar Kota Bharu. Usia masjid ini dipercayai melebihi 300 tahun dan turut dikaitkan kedatangan Islam di Kepulauan Nusantara abad ke-17 Masihi. Selain diiktiraf sebagai masjid tertua di negara ini, Masjid Kampung Laut turut disenaraikan antara masjid paling "bersejarah" di Asia Tenggara, seangkatan dengan masjid Nat Tanjung dan Wadi Hussin di Thailand, Masjid Agung Demak di Jawa, Indonesia dan Masjid Kono (Champa, Kemboja).

Malah, temubual selama satu jam dua puluh minit, juga melibatkan struktur dan seni bina masjid Kampung Laut. Keseluruhan bahan binaan masjid ini terdiri daripada kayu jenis cengal yang keras dan padu serta mampu bertahan sehingga bertahun-tahun lamanya. Seni bina dan kehalusan ukiran yang terdapat pada binaan Masjid Kampung Laut menunjukkan kemahiran dan kebijaksanaan tukang Melayu yang menggabungkan seni tradisional dengan kesenian Islam yang unggul. Masjid ini juga terkenal kerana ia telah melahirkan ramai ulama yang berjaya menyebarkan syiar Islam di sekitar Nusantara.

Bahagian utama masjid ini terdiri daripada pelan berbentuk segi empat yang dilitupi dengan bumbung piramid yang disusun secara tiga tingkat. Bahagian bumbung yang paling atas ditinggikan sedikit arasnya dan diletakkan tingkap bagi memudahkan pencahayaan. Bumbung ini dihiasi dengan motif ukiran buah betung. Keseluruhan lantai masjid ini ditinggikan lebih kurang satu meter dari aras tanah.

Pengubahsuaian kemudiannya dijalankan dan sebuah ruang yang digelar balai lintang ditambah pada bahagian tepi masjid tersebut bertentangan dengan dinding mihrab dan ruang serambi besar juga turut disambungkan. Dua buah ruang yang baru dibina ini didirikan rendah sedikit dari aras bahagian utama masjid tersebut. Ruang serambi kemudiannya ditambah pada bahagian timur masjid tersebut dan dikenali sebagai wakaf *rang kaya* (orang kaya serta berpengaruh).

Selain itu, ada aura-ura mengatakan bahawa pihak Musium Negara Malaysia ingin mengembalikan masjid in ke kawasan asal iaitu di daerah Tumpat, Kelantan. Tetapi terdapat pelbagai halangan dan kekangan dari segi kewangan. Malah terdapat kekangan daripada pelajar KIAS yang tidak mahu masjid tersebut dipindahkan ke kawasan asal.

TRANSKRIP

TRANSKRIP

Rakaman ini berkisah tentang sejarah Masjid Kampung Laut. Soalan yang diajukan terbahagi kepada empat bahagian, iaitu bahagian pertama berkisah tentang latar belakang tokoh yang menceritakan sejarah Masjid Kampung Laut, bahagian kedua penyelidik telah menanyakan asal-usul Masjid Kampung Laut, manakala bahagian ketiga penyelidik telah menanyakan tentang faktor perpindahan Masjid Kampung Laut ke Nilam Puri. Kemudian, bahagian keempat penyelidik akan menanyakan tentang seni bina dan struktur Masjid Kampung Laut. Berikut adalah hasil rakaman.

Petunjuk:

PCH: Pak Cik Hussin

MZ: Muhammad Zahrilyuhaiza

BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG TOKOH

MZ : Assalamualaikum pak cik. Pak cik, saya ni *student* [pelajar] dari UiTM [Universiti Teknologi MARA] nak tanyalah *ko* [kepada] pak cik ni hal Masjid Kampung Laut sedikit sebanyak, boleh ke agak-agak tu?

PCH : Dia asal-usulnya.

MZ : Sebelum itu, boleh ke *kita* [bermaksudnya saya] nak tahu nama penuh pak cik *tuh* [nama pak cik]?

PCH : Nama penuh saya *Hussin Hassan* [Hussin bin Hassan] (kedengaran suara Zahril mengulangi semula nama pak cik Hussin). Ya, *Hussin Hassan* [Hussin bin Hassan].

MZ : Orang duduk gelar [memanggil nama] pak cik tu?

PCH : Pak cik tu, orang duduk gelar kadang-kadang banyak--Pak Cik Hussin, Abang, Cikgu, tak kiralah. *Pahtu gak* [Selain itu juga] nama Abang Hussin pun panggil, Pak Cik Hussin pun panggil (sambil Zahril menyatakan ingin memanggil Pak cik Hussin)--Pak cik Hussin lah.

MZ : Dari segi umur tu berapa dah?

PCH : Saya umur lebih kurang enam puluh lima [65] dah, masuk enam puluh lima [65]. Kira kontrak lah ni dengan muzium, untuk menjaga masjid.

MZ : Asal - tempat asal pak cik?

PCH : Tempat asal tu Machang lah. Machang Kampung Awak - Machang. Kemudian kawin dengan *orang panggil Kedai Piah* [berkahwin dengan orang Kampung Kedai Piah], Ketereh. Sekarang ni tinggal di Kedai Piah lah. Jadi jarak dari Kedai Piah ke Nilam Puri lebih kurang empat [4] hingga lima [5] *kilo* [kilometer], lima [5] *kilo* [kilometer]. Lima [5] kilometer.

MZ : Apa ni, isteri pak cik pun duduk di sini *belako* [semua] lagi di Kedai Piah?

PCH : Ya, di Kedai Piah.

MZ : Sebelum pak cik kerja muzium, kerja pak cik sebelum ini?

PCH : Kerja saya banyak tu kalau kira, mula-mula kerja sendiri, berniaga, lepas tu mengajar di Sekolah ITM [Universiti Teknologi MARA] Machang tiga belas [13] tahun. Kemudian berhenti, meniaga buat batik, buat batik lah, *sebatik* [seperti batik] batik lukis. Apa ni kedai, apa ni *advertising* [pengiklanan] buat

papan tanda *gapo* [apa] ni lah. Lepas tu berhenti, kemudian ada orang tawar apa ni kerja *ngaji* [mengaji] jaga di sini (sambil menunjukkan tangan ke arah Masjid Kampung Laut) daripada bawah muzium lah untuk buat semasa ini lebih kurang lima [5] tahun lah, rasa lima [5] tahun lah tukar sini. Jadi hari-hari duduk mari sini lah.

MZ : *Berulanglah?* [Berulang-alik]

PCH : Duduk sini ada apa ni pelawat-pelawat mari *gak* [juga], ada soalan-soalan kita bagi peneranganlah masalah masjid. Pindah, daripada bawa kesini sebab apa tidak kan?

MZ : Dari segi pendidikan awal pak cik, pak cik sekolah mana asal?

PCH : Pendidikan awal sekolah rendah *jah* [sahaja], sekolah rendah lepas tu Machang *gitu lah* [macam itulah], Tanah Merah, Machang. Lepas tu, tak ada dah setakat tu la kalau itu.

MZ : *Oh, situ tu jah* [sampai situ sahaja]. Tadi pak cik kata *gapo* [apa] UiTM [Universiti Teknologi MARA].

PCH : ITM [Universiti Teknologi MARA] Machang.

MZ : IKM [Institut Kemahiran MARA]?

PCH : Bukan IKM [Institut Kemahiran MARA].

MZ : Lepas tu kaitan ni dengan masjid tu *guano* [macam mana] boleh jadi penyelia?

PCH : Lepas tu, kaitan dengan masjid ni kebetulan ada satu hari tu *hok* [yang] menjaga sini ada masalah.

MZ : Ya.

PCH : Jadi memerlukan orang menjaga, kebetulan ada *cc* [pegawai] di masjid, *cc* [pegawai] di apa ni pejabat muzium tu dekat rumah saya. Kemudian dia tawaran, dia buat tawaran ke saya. Tawaran dia kata, "*Gi lah gitu, gi caro ko masjid.* [Pergilah, pergi urus masjid]" Dia kata, "*Tak ada orang nak ganti*". Pak cik kata tak apa, kebetulan tak ada kerja hari tu. Mari duduk sini lah.

MZ : **Kiranya, penyelia sepenuh masa la ni?**

PCH : Kita *selami* [jaga] masjid *belaka* [semua] ni, jaga masjid.

MZ : **Dari segi tugasnya, *gapo dia pengelia dia* [apa penyeliannya], contohnya?**

PCH : Saya ni, apa ni menjaga masjid, kebersihan *gapo kei dok* [semua itu] macam atas masjid, luar kawasan--kalau ada apa ni pelajar diberitahu masalah sejarah awal masjid ni status masjid apa ni kedudukan dia. Begitulah.

MZ : **Dari segi peruntukkan, macam mana pak cik nak minta?**

PCH : Peruntukkan tu kita kena - .

MZ : **Melalui muzium?**

PCH : Melalui muzium lah. Peruntukkan untuk membaiki pulih, *baruni* [hari itu] kita buat apa ni, baikpulihan *api* [elektrik] ni. *Api* [elektrik] ni *baruni* [hari itu] tidak pakai kabel - apa ni, batang paip tu, pakai *tepek* [tampal] *gitu dih* [macam tu je].

Jadi *lonie* [sekarang] kita baikpulih semua pakai kabel, buang semua apa ni, wayar lama. Lepas tu sambung di wakaf tu. Wakaf mulanya tak ada apa nya *api* [elektrik] *gaponyo* [apa]. Jadi putus *gitu* [begitu], kemudian masa saya mari tu memang tak ada dah. Lepas tu saya duduk kaji tengok kata apa ni, jadi malam gelap la *dop* [kan], jadi tak ada menarik apa ni orang nak berkunjung nak *gapo* [buat apa] ni. Lepas saya lulus tu, siap pasang kabel *belaka* [semua] *api* [elektrik] *gapo api* [elektrik] apa ni, hiasan tiga batang tu hidup semua la tu. Jadi malam kalau mari malam memang ceria lah, wakaf-wakaf ada pengunjung-pengunjung mari *gak* [mereka] boleh berehat, *rileks* [rehat] atas wakaf tu (kedengaran bunyi jam tangan).

MZ : Baru juga la wakaf ni?

PCH : Wakaf tu sambung sini juga, dia bersama dengan masjid masa *mindah* [pindah].

MZ : Selain ini, sebelum ini *student* [pelajar] mana dah mari?

PCH : *Student* [pelajar] tu, kalau kira banyaklah. Apa ni UMK [Universiti Malaysia Kelantan], UM [Universiti Malaya], UiTM [Universiti Teknologi MARA], Kolej Kemahiran MARA [Kolej Kemahiran Tinggi MARA] buat *research* [kajian], buat apa ni *hok* [yang] ambil seni bina, ambil seni bina dia buat pelan *drawing* [lukisan]. Melukis, dia lukis apa ni ambil pelan ukuran pelan masjid ini, kemudian lukis sebuah - . *Hoktu hok* [yang itu] saya lukis tu masjid tu (sambil menunjuk ke arah lukisan masjid di dinding).

MZ : *Ho tu* [yang itu] (sambil menunjuk ke arah lukisan masjid di dinding). Encik Hussin sendiri lukis. *Ho yolo* [betul juga], sebelum ni kan boleh buat

batik *dop* [dah] boleh melukis la kan.

PCH : Sebab masa tu pun saya duduk di ITM [Universiti Teknologi MARA] dulu pun saya mengajar lukisan.

MZ : ***Ho tu* [Oh begitu].**

PCH : Tapi kalau peringkat, tidak peringkat awak lah, kalau peringkat kalau umur 30-an ke atas tu mungkin kalau tanya saya la kan, kalau tanya Cikgu Hussin lukisan orang kenal la masa tu.

MZ : **Machang ni? [Di Universiti Teknologi MARA Machang]**

PCH : Masa tu setahun-setahun dekat dengan tiga ribu [3000] pelajar saya rasa tahun 70'an [1970]. Tiga ribu setengah [3500] tiap-tiap tahun.

MZ : **Kalau boleh kita pergi ke asal-usul Masjid Kampung Laut?**

PCH : Boleh.

TAMAT BAHAGIAN 1

BAHAGIAN 2: ASAL USUL MASJID KAMPUNG LAUT

MZ : **Bila masjid ini dibuat?**

PCH : Ni, asal-usul masjid ini lebih kurang nak tahu jaga *dih* [kan].

MZ : ***Ho* [ya].**

PCH : Asalnya ahli ulama' *dei* [kan], ahli ulama' ni dia berulang-alik daripada Aceh [Indonesia] ke Pattani [Thailand] belayar ikut kapal la masa tu, asal-usul - awal la tu. Jadi satu masa tu kapal rosak, *ho* [ya] kapal rosak. Jadi salah seorang daripada ulama' ni dia bernazar lah, jadi kalau dapat baikpulih baiki kapal ni dapat *mendarat* [berlabuh] dimana-mana, dia akan mendirikan masjid. Sampai di Kampung Laut lah, dia *duk* [berada] tepi sungai *kei* [kan] ni, tepi sungai apa ni masa tu. Di tepi sungai sekali dengan tanah perkuburan, tepi sungai. Dibantu oleh orang-orang kampung situlah, yang tidak menggunakan alat-alat moden la masa tu. Menggunakan alat-alat tradisi apa ni, jenis kapak, pahat, *putar relo* [gerudi], awak tahu *putar relo* [gerudi] (kedengaran suara Zahril) gerudi, apa ni drill [gerudi]. Lepas itu, panggil apa tu *putar relo* [gerudi] dia *gini* [macam ini] (sambil melakukan aksi menggunakan gerudi tersebut dan Zahril juga menyebut bersama putar relo) dia tubik *putar relo* [gerudi] - . Masa tu dibantu oleh orang-orang kampung lah dengan mengguna kayu cengal, kayu cengal semua tu(sambil menunjukkan ke arah kayu-kayu pada masjid).

MZ : **Tiang-tiang tu?**

PCH : Tiang-tiang tu, *hok* [yang] ibu dia tu, ibu asal dia, *hokni* [yang ini] sambungan buat sini dah lah. Sambungan di sini. Apa ni, Kampung Laut ni kampung yang tertua di Kelantan.

MZ : **Masjid?**

PCH : Eh, kampung.

MZ : **Kampung?**

PCH : Kampung tertua di Kelantan. Jadi Masjid Kampung Laut ni tertua di Malaysia la ni.

MZ : **Malaysia?**

PCH : *Ho* [Ya] Malaysia, tertua di Malaysia Kampung Laut. Jadi dalam tahun - 1966 banjir besar *dih* [kan], banjir besar, jadi (Waalaikumusalam, beliau menjawab salam daripada seorang kawannya) arus air sungai tu--apa ni, air besar ni tepian tebing sungai ni runtuh, roboh. Separuh daripada kaki masjid tu nampak lah, masa tu dia tanam dia tidak lapik tiang serupa ni (sambil menunjukkan ke arah bawah masjid), *kuku* []. Dia tanam dalam pasir, pasak *gitu* [begitu saja]. Kalau mengikut cara dia, masjid ini tinggi. Tinggi, gajah Raja Kampung Laut ni masuk, masuk letak bawah-bawah masjid. Dia ada raja.

MZ : **Dia *parking* [parkir] situlah.**

PCH : *Parking* [parkir] di bawah masjid. Jadi boleh kita bayangkanlah tinggi la apa ni masjid tu seekor gajah boleh masuk kedalam. Jadi dia ada raja, Raja Kampung Laut. Jadi mengikut sejarahnya, raja tu mati di raja - . Jalan Gajah Mati tu bersempena dengan nama Raja Gajah Mati.

MZ : **Dekat dengan *roundabouts* [bulatan].**

PCH : *Roundabouts* [bulatan] depan muzium. Jadi sempena dengan nama *tulah* [itulah], nama raja gajah Kampung Laut mati situ. Jadinya seberang *alikh* [sebelah] sana *jah* [sahaja], seberang *alikh* [sebelah] sana *jah* [sahaja] Kampung Laut. Tapi mungkin *jemerang* [melintas] masa dalam sungai gitu *jah* [sahaja] rasanya. Jadi mati situ, sempena dengan nama jalan raja Kampung Laut.

MZ : Umur tu tak tahu lah umur dia berapa?

PCH : Tak tahulah umur. Masa tu sejarah, tarikh buat tu takda.

MZ : Tapi kalau *hok* [yang] sekarang ni, *hok* [yang] di Nilam Puri ni berapa tahun dah?

PCH : Nilam Puri ni tahun tujuh puluh lima [1975]. Ada situ, saya tak ingat (sambil membelek-belek sekeping kertas) tujuh puluh lima [1975] rasanya, masa banjir tu enam puluh enam [1966], tahun sembilan belas enam puluh enam [1966]. Jadi masa tu ahli sejarah Malaysia, tinjau semasa lepas banjir bincang-bincang apa ni nak pindah tempat. Supaya tidak hilang begitu, kalau tidak *gak* [akan] hilang *gitu* [begitu] lah warisan, tidak adalah sejarah. Jadi ahli sejarah ni berunding dengan pejabat-pejabat kerajaan Kota Bharu, jadi ada tempat di Nilam Puri ada setempat, tempat ni kosong di antara KIAS [Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra] sebelah sana YIK [Yayasan Islam Kelantan], yang ni KIAS [Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra], sebelah sana UM [Universiti Malaya]. Jadi sesuailah duduk sini. *Bab* [sebab] masa tu dia kata, "*kita ke Nilam Puri lah*". Kita dengar Pejabat Jajahan Kota Bharu. Jadi kalau ahli sejarah tidak buat cadangan, saya rasa masjid ni tak ada dah, hilang begitu dah la.

MZ : Kerana ahli sejarah la suruh buat ni?

PCH : Buat kajian untuk buat-buat perpindahan oleh ahli sejarah Malaysia. Masa berlaku dia buat kunjung tengok keadaan, tak boleh nak ubah, nak angkat *bab* [sebab] kalau kita *taruh* [simpan] situ pun mungkin tiap-tiap tahun kena banjir. *Pah* [Lepas] tahun depan kena banjir, lama-lama roboh begitu jah. Jadi untuk

selamatkan daripada hakisan ke apa ni rosak masjid, bawa pindah di sini. Masa tu ada juga soklan tanya saya nak kata pun tak tahu. Tapi masa perpindahan tu dia tidak menggunakan angkat, kalau kampung rumah-rumah dekat dia angkat dahulu.

MZ : Dia angkat *dok* [tak], rumah-rumah pondok dia angkat dulu.

PCH : Rumah pondok tak tahulah. Dia bubuh kayu buluh *surung* [hulur], panggil dua puluh tiga puluh (sambil Zahril menyebutnya bersama) orang *gak* [boleh] angkat dekat-dekat boleh lah. Ni berapa puluh *kilo* [kilometer], dua puluh *kilo* [kilometer] daripada nak lalu ikut sungai, apa ni *retok* [jambatan] Jambatan Sultan Yahya *nu* [tu] tak muat dah masjid besar ni.

MZ : Dia asal dia tu Kampung Laut betul tepi sungai Kampung Laut, asal masjid ni?

PCH : Kalau mengikut sejarahnya, masa banjir tu ada seorang jenazah *lekat* [tersangkut] di tiang masjid tu. Jadi ramai *duk* [datang] mari tengok apa ni salah seorang penduduk situ dia kenal. Dia kenal maknanya dia tengok tu tok guru dia, tok guru dia masa kecil-kecil dulu mengajar dia di atas masjid. Rupanya tok guru yang mengajar tok ayah tu lah, pasal umur dia pun empat enam tujuh lapan puluh dah, masa dia kecil-kecil tak ada berubah tok guru tu. Jadi dia kenal, dia kata, “Tok guru ni masa saya kecil-kecil mulo *duk* [dahulu yang] ajar saya *mengaji atas masjid tu*”. Jadi untuk mengenali dengan lebih tepat tok guru *sakni* [tadi], jadi orang hormat ni kata, “Ia ke, tak kan beratus tahun boleh kenal *kan*”. Jadi untuk kenal dengan lebih tepat ni, *ya ini* [iaitu] ada cucu dia. Cucu dia duduk di Kampung Laut, jadi panggil cucu dia lah untuk mengenali *tok*

[datuk] dia ni. Untuk mengenali *tok* [datuk] dia dengan lebih tepat ni, memang *tok* [datuk] dia mari pun *tok* [datuk] dia mati, tengok memang betul lah *tok* [datuk] dia. Lepas tu *tok* [datuk] dia pun *mandi* [mandi jenazah], sembahyang, simpan atas kubur tu juga, *gitu* [begitu] lah. Barang, apa ni ada satu lagi, dia ada keratan masa pindah tu ada keratan apa ni sebuah lagi, sebuah lagi tu sekarang ni dia guna untuk buat kelas, kelas sembahyang hajat. Eh kelas sembahyang, kelas Quran.

MZ : Oh, sebahagian masjid ni. Tapi duduk mana masjid tu?

PCH : Duduk sini, Kampung Laut lah.

MZ : Oh, Kampung Laut, dia tak alih?

PCH : Tak alih. Jadi bersama dengan *kolah* [tempat ambil wuduk]. *Kolah* [tempat ambil wuduk] duduk situ lah dekat berhampiran. Jadi masa banjir baru ni, tak tenggelam. *Hok ni* [yang ini] saya dapat tahunya daripada penduduk Kampung Laut.

MZ : Banjir besar dua ribu empat belas [2014]?

PCH : Banjir besar dua ribu empat belas [2014], awak tahulah Sungai Durian tenggelam habis. Kebetulan satu hari lepas banjir tu, dua orang penduduk di Kampung Laut dia tinggal di Kuala Lumpur. Dia kata, "*Saya nak tengok lah masjid tempat saya main masa budak-budak masjid ni. Awak tinggal mana? Di Kampung Laut.*" ada ke bukti-bukti apa ni barang-barang pelik saya kata? Cuba bagi buka masalah sejarah masjid. Dia kata, "*Apa ni air kolah masjid tu tak masuk air dia kata*".

MZ : Air kolah [tempat ambil wuduk] tu?

PCH : Air *kolah* [tempat ambil wuduk] tu memang *hok* [yang] asal lagi, tak bercampur air luar *tak dok* [tiada]. *Pahtu* [Lepas itu] dia dua orang, salah seorang kata almari, “*Almari rumah saya dia kata tak tenggelam juga*”. Jadi kaki, bawah kaki tu ada *bakap* [kesan] tenggelam air, jadi dalam almari memang *molek-molek* [elok-elok] tak masuk air. Saya tanya dalam almari tu benda apa ada? “*Dia kata tak ada, baju-baju tok ayah dulu, Quran gapo [apa]*”.

MZ : Berkat?

PCH : Berkat. Masa pindah sini pun ada juga pakaian hitam semasa orang sembahyang malam. Dia kata ada, “*Tak tahulah lembaga ke malaikat ke apa lah*”. Tapi *duk badi* [sama-sama] tengok lah, duduk sebelah dia.

MZ : Benda mari sembahyang di masjid ni?

PCH : Masa dia mari daripada Kota Bharu dia sembahyang ke masjid ke masjid, jadi dia singgah sini, pukul dua atau tiga *gitu* [macam tu] lah. Dia *sorei-soreilah* [seorang sahaja], kemudian tengok-tengok ada orang sebelah dia berpakaian hitam. Lepas tu tak berkata-kata lah, sama-sama tengok *gitu* [macam tu] *kaba-kaba* [kemudian] hilang dengan *gitu* [macam tu]. Ada baru-baru ni pun budak bermain bola, ada cikgu KIAS [Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra] oyak [cakap] duduk main bola tu, dia kata “*Cikgu, di masjid ada main bola semalam dia kata, main bola mana, masjid tu, biar betul*”.

MZ : Ada orang bermain bola di masjid tu?

- PCH : Budak dia kata, budak main bola. Lepas tu siapa tengok? “*Eh adalah, tak leh oyak dia oyak* [tak boleh beritahu dia kata]”. Kemudian hilang *gitu* [macam tu] lah, ni pun banyak lagi *supo* [seperti] angsa *gapo* [pun] ada. Lagipun ramai mari sini, barang-barang ghaib mari.
- MZ : ***Serupo*** [Seperti] ni setengah orang kata *dok* [kan], ketika pembinaan dia tu masjid ni sebagai wakaf. *Gapo* [Macam], tidak kata ada dinding *dop* [kan], betul ke?
- PCH : Masa mana?
- MZ : **Semasa pembinaan di Kampung Laut tu dia, macam mana nak *oyak* [cakap], *serupa* [seperti] wakaf *je* [sahaja] pembinaan dia. Tak ada lagi la dinding *serupo lonie* [seperti sekarang].**
- PCH : Memang la peringkat awal dia pasang tiang dulu, sebelum dia pindah tu - dia ada tukang - rumah ketika tu orang ahli. Ahli orang ada kreatif juga bahagian asal seni bina ni. Dia duduknya di kampung di Bunut Payung, ada beberapa orang tukang di situ. Masa itu, sebelum dia rombak ni dia tanda dulu. Tanda - , misalan [contohnya] A1, A2 dia tanda.
- MZ : **Di Masjid Kampung Laut tu dia tidak kata bina siap dulu la, ke *teko* [semasa] di Kampung Laut tu siap dah dia buat, ulama' buat siap dah?**
- PCH : Buat situ dah, siap dah. Orang guna dah, guna pakai dah, lama dah.
- MZ : **Setengah ada pendapat kata, lantai sahaja tak ada dinding pun, orang sembahyang *gitu jah* [macam tu sahaja].**

PCH : Selepas banjir.

MZ : **Oh, tu selepas banjir dah.**

PCH : Selepas banjir. Sebelum daripada tu semua *complete* [sempurna] siap masjid (sambil Zahril mengulang kembali kata-kata Pak Cik Hussin). Orang guna pakai dah, lama dah. Kebetulan banjir tahun enam puluh enam [1966] tu, masjid tu rosak sedikit. Jadi dia tanda, tanda - tanda *gak* [] semua tanda, pecat [buka]. Pecat *gak* [kan] kalau kita letak tak setempat pun tak apa lah, kita cari-cari. Kita *catur* [cantum] dengan nombor tu *kei* [kan]. Dia tidak menggunakan paku, asal dia pakai pasak dengan buluh dengan apa ni, kayu *gitu jah* [begitu sahaja]. Pasak *gitu jah* [begitu sahaja], cabut-cabut hantar pergi. Cabut - . *Serupo hokni* [macam yang ni] (sambil menunjukkan kearah tiang masjid) masuk *gitu jah* ni, tolak *gitu kei* [kan] bila buang bata, buang *jeria* [] tu tolak, lepas tu masuk.

MZ : **Lepas tu pak cik, siapa dia *hok* [yang] bina masjid ni ulama' *hok* [yang] pak cik *oyak* [cakap] tadi?**

PCH : Nama nya tidak ada.

MZ : **Dia ni mubaligh ke pedagang ke *guano* [macam mana]?**

PCH : Pedagang asalnya.

MZ : **Oh pedagang asalnya.**

PCH : Pedagang ahli ulama'. Masa tu pedagang.

MZ : **Dari Aceh la.**

PCH : Dari Aceh [Indonesia] berulang-alik. Dia nak seakan-akan sama dengan masjid di Pattani [Thailand], masjid apa ni Brunei [Masjid Brunei], apa ni Masjid Demak [Jawa Timur]. Masjid *gapo* [apa] di Kemboja. Ada dalam buku (sambil menunjuk ke arah rak buku), tak ada dalam buku. Buku tu kalau awak nak *copy* [salin] boleh, ada buku dia ada. Tapi, gambar-gambar pun ada.

MZ : **Apa ni *time* [masa] di Kampung Laut ni dia ada kerajaan dah lah *time* [masa] tu. Sebelum Kelantan ni wujud tu dia ada dah kerajaan. Jadi -**

PCH : Masa, rasanya tak ada lagi tu. Masa Asri tu tahun enam puluh - tak ada lagi. Kampung tu kampung pertama, kampung tertua di Kelantan mengikut sejarah.

MZ : **Dia tu kira sungai tu laluan utama, sebab itu mubaligh tu sampai di sungai tu *dok* [kan].**

PCH : Laluan tu Sungai Kelantan lah. Ikut muara masjid, apa ni laut.

MZ : **Dia tu bukan tempat persinggahan kan masjid tu.**

PCH : *Eh tak* [Tidak].

MZ : **Sebabnya kapal dia bocor *jah* [sahaja] kan dia bernazar.**

PCH : Ya dia bernazar. Pasal dia orang ulama' dia bernazar. Bukan tujuan nak pergi buat situ *dok* [kan]. Jadi nazar dapat baik pulih, *haa gitu* [macam tu]. Siap *gapo* [elok] pulih *molek* [semua] tu, seorang ni dia nazar. Jadi -

MZ : **Selepas mubaligh tu ulama' tu tinggal masjid tu, orang guna la masjid ni.**

PCH : Ya orang gunalah.

MZ : Sebelum banjir tu.

PCH : Ya orang gunalah.

MZ : Oh lama juga lah.

PCH : Jadi raja tu guna atas masjid ni. Sebelum pada ni raja guna atas Masjid Kampung Laut. Masa tu dia ada raja. Apa tu raja *gapo* [apa] nama dia tak ingat? (sambil membelek-belek kertas)--

MZ : Gajah tu macam mana gajah boleh lalu, tinggi dia?

PCH : Gajah kalau mengikut dia, raja ni *tambat* [ikat] di masjid.

MZ : Oh di masjid?

PCH : *Ho* [ya], mengikut saya dapat tahu daripada orang tua kampung situ lah sejarah dia. Gajah ni raja menggunakan gajah. Gajah dia, dia *tambat* di masjid. Dia naik ikut pintu tu (sambil menunjuk ke arah pintu disisi masjid).

MZ : Oh *pintu rusuk* [pintu tepi] tu.

PCH : Ya *pintu rusuk* [pintu tepi].

MZ : Tapi, masjid ni *hok* [yang] terbaru ni dia tak tinggi, tak sama tinggi dengan *denu* [di sana] la kan.

PCH : *Dop* [Tidak] la, dia kerat kaki, sebab kaki dia tu dia tanam. Apabila dia tanam ni kan, apa ni tiang tu rosak lah. Ada boleh pakai tak boleh pakai, *hok* [yang] tak boleh pakai dia kerat. Kerat sambung, ada bawah ni dia sambung (sambil

menunjukkan kebawah masjid) ambil keratan kayu lain.

MZ : Selain pusat ibadah masjid ni, *gapo* [apa] lagi fungsi dia? Takut *supo* [seperti] istana ke, tak ada kaitan?

PCH : Oh, *kait* [berkait] dengan istana, masjid memang *kait* [berkait] dengan istana. Baru ni, apa ni Raja Perempuan Temenggong mari buat sembahyang bacaan doa di sini. Berapa hari bulan tak ingat dah. Bulan lepas, bukan bulan lepas, bulan satu[Januari] tak ingat dah. Jadi semualah terlibat dengan MAIK [Majlis Agama Islam Kelantan] *gapo* [semua] ni kan, jabatan-jabatan mari buat persiapan disini. Mari *semeta jah* [sekejap sahaja] mari pagi, mari pagi pukul sebelas pagi. Ada juga apa ni MAIK [Majlis Agama Islam Kelantan] buat pertandingan, pertandingan apa KIAS [Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra] ni dia buat pertandingan apa ni baca khutbah--baca khutbah, azan. Ada juga buat kursus sembahyang jenazah MAIK [Majlis Agama Islam Kelantan] buat.

MZ : Banyak aktiviti juga lah?

PCH : Banyak aktiviti, lepas tu tiap-tiap hari tu boleh dikatakan hari tak sekolah *gak* [kan], masa daftar ni dia temuduga pelajar ni baca Quran. Dia bagi sejam baca Quran, lepas tu *test* [uji] balik lah. Lepas tu budak-budak ni nak *periksa* [peperiksaan] duk *ngafal* [hafal] Quran siang malam atas masjid ni. Siang malam apa ni buat aktiviti *gapo* [apa] pun, ada aktiviti sembahyang hajat ke. Terawih tu memang la dalam puasa dia buat terawih, lepas tu tiap-tiap waktu tu memang penuh *sokmo* [selalu] lah. Tiap-tiap waktu sampai waktu Subuh, Zohor, Asar, Maghrib, Isyak pelajar KIAS [Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra] jadi imam *belako* [semua] tu. *Bab* [Sebab] kita tak lantik imam sini,

sebenarnya masjid ni bawah muzium, muzium bawah Jabatan Warisan. Jadi sebenarnya motif asal masjid ni dia untuk pengunjung, pengunjung melawat warisan - sekarang ni dia jadi hak KIAS [Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra]. Jadi hak KIAS [Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra] ni hak milik mana, hak milik tu buat untuk gunalah, untuk guna pakailah maknanya jagaan bawah muzium *under* [bawah] Jabatan Warisan lah. Dia buka pagar semua tu, mula dia pagar situ (sambil menunjuk kearah pagar masjid). Jadi KIAS [Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra] ni minta dengan muzium buka pagar tu untuk menjadikan KIAS [Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra] sekalilah dengan masjid.

MZ : Jadi pengurusan masjid tu duduk bawah KIAS [Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra]. Ke masih terlibat dengan muzium?

PCH : Terlibat dengan muzium, ada juga sikit-sikit alat-alat, alat berkata melibatkan KIAS [Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra]. Alat-alat besar-besar tu muzium ambil lah.

MZ : Apa ni, ketika di Kampung Laut tu masjid ni tempat penyebaran agama la *time* [masa] tu di Kampung Laut?

PCH : Tempat penyebaran agama.

MZ : Kesan dia kepada rakyat disitu tu *lagu* [macam] mana? Adakah Kampung Laut tu pertama terima Islam ke?

PCH : Masa tu--tak tahu saya, masa tu. Daripada Kampung Laut ke terima Islam, tak tahu masa tu. Jadi masa tu saya rasa dia ahli ulama' dia singgah ni untuk buat

masjid *jah* [sahaja]. Jadi dia serah kepada orang kampung *gitu* [begitu] lah. Sebab masa tu kampung ni kampung laut tertua ni, maknanya *gitu yah* [macam tu sahaja]. Tapi ikut sejarah dia tinggal *gitu* [macam tu] ke ataupun adalah ulama'-ulama' mengembangkan situ tu, *pasalkan* [disebabkan] masjid baru, Masjid Kampung Laut tertua mungkin ada masjid. Mungkin kampung lain tak ada lagi la. Mungkin dalam masjid ni, ahli ulama' ni orang kampung terima daripada masjid tu lah saya rasa, Masjid Kampung Laut. Sebab masa tu masjid tempat lain tak ada lagi, kampung lain pun tak ada nama lagi (sambil ketawa). Jadi masjid kampung terbaru tertua, terbaru lah ni masa tu (sambil Zahril mengiyakan), kampung awal.

MZ : Jadi pusat dakwah la lepas dia pindah sini la *dok* [kan]?

PCH : Pusat dakwah Islam awal situ. Kiranya ulama'-ulama' luar mari menjajah la *kei* [kan] ke masjid ni.

MZ : Jadi sebelum pak cik ni ada dah orang muzium juga urus, ke orang KIAS [Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra], sebelum pak cik?

PCH : Tak ada, ada orang lain. Orang lain tu *tak cara* [tidak peduli] mana kat masjid ni, tak cara mana. Saya boleh tahu sikit-sikit saya baca la *dok* [kan]. Lepas tu daripada Encik Salleh Akib ni dia pengarah apa ni, pengarah KIAS [Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra] ni dia duduk di muzium belajar bahagian sejarah, *lonie* [sekarang] dia sakit. Kita buat berunding muzium pinjam, pinjam untuk dia perkenal masjid, lepas tu bagi sejarah kepada para pelajar, jadi dia tak sihat mana *lonie* [sekarang], tak ada di pejabat, cuti. Tua dah lapan puluh [80] tahun lebih.

MZ : Apa ni ada dah buku *dok* [kan] tentang masjid ni?

PCH : Ada buku.

MZ : Tak apalah, kira masjid ni itulah -

TAMAT BAHAGIAN 2

BAHAGIAN 3: FAKTOR PERPINDAHAN

MZ : Apa tu, sebab dia pindah tu masjid ni?

PCH : Sebab pindah kes sebab banjir lah.

MZ : Sebab ada setengah kata banjir *dok* [kan]. Bukan kata kena hanyut banjir mari sini?

PCH : Tak hanyut. Memang dia ada di tempat sama, tapi hakisan tebing tu dia separuh tu runtuh. Jadi untuk selamat masjid tu dia pindah sini.

MZ : Jadi dia -

PCH : Dia tidak hanyut.

MZ : Dia kira peroboh semula masjid ni?

PCH : Dia peroboh semula, tanda - roboh semula pasang siap sini, pasang balik. Jadi tukang tu tukang yang samalah. Tukang sama berapa orang tukang.

MZ : Tahun tujuh puluh lima [1975] la *dok* [kan], pindah?

PCH : Pindah.

MZ : KIAS [Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra] ni, KIAS [Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra] ni ada dahulu sebelum masjid ni *kei* [kan]?

PCH : *Ho* [Ya] dulu lagi.

MZ : Ni daripada arahan siapa untuk masjid pindah mari sini?

PCH : Daripada jabatan ni jajahan pejabat tanah, Pejabat Tanah Kota Bharu *bui* [bagi] cadangan tapak sini. (kedengaran bunyi orang mengetuk paku)

MZ : Dari segi -

PCH : Jabatan warisan, jabatan warisan lah. Jabatan ni dia serah kepada muzium. Jabatan jajahan ni serah kepada muzium, muzium jaga masjid ni. Jadi warisan tu mencadangkan cari tapak, lepas itu dia serah apa ni pejabat tanah serah kepada muzium jaga.

MZ : *Time* [Masa] banjir besar bah merah tu, kuat tak dia rosak berapa peratus agak-agak kerosakan dia tu?

PCH : Tak banyak rosak rasanya, apa ni 30 peratus tak sampai rasanya. 30 peratus *kalih* [rasanya], kalau mengikut gini - . Tengok gambar la (sambil beliau bangun untuk mengambil buku gambar Masjid Kampung Laut)--. Dia ada jual.

MZ : Dia berapa harga senaskah?

PCH : Dia enam belas ya [RM16.00], tapi tak ada sini lah. *Hok* [Yang] lebih *detail* [lanjut] lah kalau awak nak tahu *detail* [lebih lanjut] kena cari buku sedapnya.(sambil membelek-belek buku)

MZ : Kubur ni dia ada juga sebelum di Kampung Laut dia berhampiran tu.

PCH : Ya berhampiran, berhampiran tanah kubur, dia sekali dengan tanah kubur.

MZ : Asal masjid tu. Time dia nak pindah tu siapa dia hok buat, orang mana?

PCH : Termasuk apa ni tukang-tukang apa ni Datuk Asri. Datuk Asri masa tu tahun berapa ni, tahun enam puluh berapa masa dia merintah hari tu. Kemudian sekali dengan arkitek *gapo* [semua], arkitek seni bina apa ada *belaka* [semua] la ni. Ada gambar dia dalam (sambil ingin menunjukkan gambar dalam buku).

MZ : Ni peta dia ni?

PCH : Ya peta.

MZ : Lepas dia alih dari Kampung Laut ke Nilam Puri, bahan dia tu guna 100 peratus *hok* [yang] asal lagi tu?

PCH : *Hok* [yang] asal.

MZ : Cara pembinaan pun sama *dok* [kan]?

PCH : Yang sama mengikut pelan dia, pelan yang asal yang tempat dia tanda *kei* [kan] jadi serupa masjid yang sama. Kalau dia ubah - . Itu ibu dia, ibu bendul (sambil menunjukkan ke arah bendul masjid).

MZ : Dari segi kos tu siapa dia *hok* [yang] tanggung? Adakah daripada *support* [bantuan] kerajaan ke?

PCH : Ianya *support* [bantuan] daripada banyak jabatan tanah, jabatan-jabatan dekat dengan, ada ni (sambil menunjuk ke dalam buku) dekat dengan seratus ribu [RM100, 000] lebih juga.

MZ : Dia tak ada tambah benda-benda lain, ke memang ambil *original* [asli] dari Kampung Laut, dia tak ada tambah benda?

PCH : Tak ada. *Hok* [Yang] tambah sininya ni lah, apa ni *bala* [ruang tengah masjid].

MZ : *Bala-bala* [ruang tengah masjid].

PCH : Anjung - . *Hok tu* [Yang itu] la, *hok* Kampung Laut tu ibu dia lah. *Hok ni* [Yang ini] tambahan dah.

MZ : *Supo* [Seperti] elektrik ni baru kan *sekat* [sejak] duduk Kampung Laut la dok?

PCH : *Sekat* [Sejak] pindah sini lah pasang elektrik.

MZ : Tak ada masalah *kei* [kan] ni, bocor ke apa ni?

PCH : Bocor tu ada juga, *baruni* [hari itu] kita buat *check* [semak] semua. Pasal *buah putun* [kayu tunjuk langit] *hok* [yang] atas tu dia kayu, kayu tu (sambil tunjuk ke arah atap tengah masjid).

MZ : *Gapo* [apa], orang panggil tunjuk langit, *ko guano* [ke macam mana]?

PCH : Atas ibu, *hok* [yang] bulat la.

MZ : Kena masuk tengok la lepas ni.

PCH : Atas *nu* [tu], dia bukan simen kalau *bab lonie* [sebab sekarang] dia guna zink *dih* [kan], dia cat emas. Dia ni asli lagi kayu *setokol* [sebatang], kayu sebatang. Empat putung *hok* [yang] atas *nu* [tu] (sambil tunjuk keatas), atas pada perabung. Jadi *baruni* [hari itu] dia bocor situ lah. Dia bocor sampai lebih kurang apa ni, dekat dengan sepuluh kaki bulatan itu la. Jadi *berai* [mengalir] turun *kot* [ikut] bawah. Duk cari lah, mari seorang tak jumpa cari, mari seorang tak jumpa cari. Kebetulan hari tu orang kontrak dia kata, “*Kita lah mana pun kita kena cari, cari mana tempat punca bocor*”. *Bab* [Sebab] ramai dah orang mari tapi tak jumpa, mari selit-selit bata dia kata, “*Ok la, tak bocor dah*”. Mari hujan pun sama juga. Mari-mari bocor, kita guna apa ni, alik atas *nu* [tu] kita *cucur* [jirus] air *dih* [kan]. *Cucur* [jirus] air, air turun ikut *buah putun* [kayu tunjuk langit] tu, rupanya *buah putun* [kayu tunjuk langit] tu dia *raka* [retak], retak *dih* [kan] dia turun air *koktu* [ikut tu] lah, *berai* [mengalir] kalau hujan. Kemudian kita bubuh apa ni *fiber* [sejenis plastik]. Lepas tu cat *gapo* [semua], lepas tu gam lepas tu cat *colour* [warna] koko juga lah. Kalau cat *colour* [warna] emas nampak baru *dih* [pula], tak nampak warisan pula. Cat *colour* [warna] emas, *colour* koko. *Colour* [Warna] cat biasa, *lonie* [sekarang] *bereh doh* [elok dah] tu.

MZ : Warna pun warna asal ni masjid ni?

PCH : Warna asal dia nya warna koko tu (sambil tunjuk kearah tiang tengah masjid), dia cat tu dia cat warna hitam.

MZ : Asal koko kayu?

PCH : Asal koko kayu.

TAMAT BAHAGIAN 3

BAHAGIAN 4: SENI BINA DAN STRUKTUR MASJID

MZ : Ketinggian masjid asal ni berapa, sebelum dia pindah sini?

PCH : Tak tahu juga saya tu, tengok dalam tu dia ada dalam pelan, ada pelan. Dia ada ukuran dia tu (sambil membelek-belek buku di halaman belakang). Ketinggian dia ada, keluasan, panjang--. Awak tidak ambik itu kan - . Ini pelan tapak(sambil tunjuk kepada buku).

MZ Kena cerita juga plan tapak?

PCH Ho [Ya] ni plan tapak ni hop [yang] ukuran tinggi dia ni detail [lebih lanjut] takdop [tiada] tulis tapi saya tak bawalah hop [yang] plan detail [lebih lanjut] tu ada masa pelajar apa ni [dari] Kemahiran Mara [Kolej Kemahiran Tinggi Mara] baru ni dia buat tapi dia tak ukur mana rasa ni menara dia ni.

MZ : Oh menara memang asal Kampung Laut pun ada menara?

PCH : Ho [Ya] ada.

MZ : Tujuan menara ni gapo [apa] dia sebenar?

PCH : Menara ni tempat orang azan masa tu dia tidak menggunakan elektrik buat

speaker [pembesar suara] untuk *laung* [melaungkan] *ko* [kepada] orang ramai mari masjid dia guna tangga ni tangga naik tangga tu ada lagi dalam ni *hop* [yang] asal tu.

MZ : *Ho* [Ya] tu boleh gi tengok tu.

PCH : *Pah* tu [Selepas itu] apa ni *hop* [yang] sini dia guna apa ni kayu sampai ke hari ini tu memang tiada kesan mana la baru ni bocor retak dia turun *kot* [melalui/ikut] dalam berai [berterabur].

MZ : Dari segi bentuk tu *dop* [kan] *bakpo* [kenapa] dia buat atap piramid adakah pengaruh dari luar ke?

PCH : Pengaruh dia kalau mengikut dia ni *hop* [yang] kecil atas ni menunjukkan bahawasanya Allah *satu* [Yang Maha Satu] *dih* [kan] menunjukkan atas ni maknanya bawah naungan *Dia* [Allah] *belako* [semua] *hop* [yang] ni motif *hop* [yang] atas tu *hop* [yang] ni mengikut dia mengikut Tingkat Tiga ni motif dia *gapo* [apa] dia dah tak ingat dah melambangkan apa ni melambangkan *gapo* [apa].

MZ : Ke kaitan *nga* [dengan] orang bawahan hamba?

PCH : Makna pusing daripada atas tadi la bawah pada *Dia* [Allah] *belako* [semua] ni piramid tu bawah naungan *Dia* Allah Taala *belako* [semua] makna azan pun dia ada juga, atas melambangkan keagungan *Dia* *dih* [ya] tiang ni kito *lapik* [letakkan] la ni sini ni *lapik* [letakkan] dengan tuku *hop* [yang] asal dia tiada *selam* [tanam] *ko* [ke dalam] tanah.

MZ : Ada setengah mengatakan Sultan Muhammad ke II [Sultan Kelantan pada masa itu] ni pernah *suruh* [menyuruh] orang gali?

PCH : *Ho* [Ya] *hop* [yang] ni *masa* [waktu] banjir kan ni gambar *tuke* [tukang] *hop* [yang] buat ni tapi tak jelas *molek* [elok] ni tanah kubur sekali tapi kalau mengikut menara ni dia jauh sikit ni *dih* [kan] jauh sikit daripada masjid *nga* [dengan] *ibu dia* [ruang solat masjid] *ho* [yang] ni *masa* [waktu] banjir ni. (sambil menunjukkan gambar masjid ketika banjir)

MZ : Boleh pak cik cerita tentang banjir *sikit* [sedikit]?

PCH : Banjir ni makna tahun dua ribu enam [2006] tebing sungai jadi hakisan tebing ni jadi separuh daripada masjid ni *hop* [yang] mana-mana kecil ni mungkin *ruboh* [roboh] jadi tiang ni makna *duk* [tertanam] dalam tanah buat masa *lonie* [sekarang ini] tapi kalau mengikut sejarah dia kata [ada mengatakan], “*Masjid ni tinggi [tapi] tak tahu lah masa ni takut air apa ni batu pasir tu naik darat takut timbul*”.

MZ : *Pasal* [Sebab] ada pendapat mengatakan *tu* [ada] orang Sultan Muhammad gali pun tak jumpa dasar dia tiang dia dalam masjid dia tanam tapak *dia* [masjid]?

PCH : Ni kubur raja ni tak rajin dengar lagi tu Sultan Muhammad gali kubur gali tiang.

MZ : *Dia suruh* [menyuruh] orang gali [menggali].

PCH : Tak sampai *alik* [sehingga] dasar dia [masjid].

MZ : *Ho* [Sebab] ada terbaca.

- PCH : Dalam tanahlah, dalam pasir.
- MZ : Biasanya seni bina dia ni *ambil* [di ambil] dari mana, kalau kita tengoklah dari Jawa bukan China. Kira seni bina Melayu Nusantara dah la *kita* [masjid] ni.
- PCH : Sebab *dia* [nya] berapa buah di masjid lain kan sama juga ni *kolah* [tempat ambil wuduk] dia ni kecik *jah* [sahaja].
- MZ : *Kolah* [tempat ambil wuduk] *hop* [yang] *kata* [dikata] tak masuk air banjir. -
- PCH : Ni masjid di Thailand dia seakan-akan ni lah dia seakan sama.
- MZ : Kira pengaruh dari ulama' ni dia menetap banyak jadi reka bentuk masjid ni dari Jawa lah kira. Ulama' asal *mari* [datang] tu di Jawa dia tiada kaitan pun kan dengan zaman kita ni. Zaman orang Melayu tu *nga* [dengan] piramid tu *ko ada* [ada] kaitan apa-apa sebab kan kalau kita tengok seni bina masjid Kampung Laut *nga* [dengan] masjid sekarang ni dia *beza* [berbeza] *dop* [kan] sebab Masjid Kampung Laut ni piramid dia guna pasal pendapat mengatakan dari China la.
- PCH : Dia gabung-gabung rasa kalau kira Masjid Beijing [terletak di Rantau Panjang] kan dia ada motif *nak* [hampir] *serupa* [sama] *nih jugok* [Masjid Kampung Laut] *dih* [kan].
- MZ : Waktu tu atap *gapo* [apa] dia guna, atap nipah ke bata? Oh, ada dah sistem ni waktu tu *dih* [ya].
- PCH : Kayu kan *dih* [ya] batang kayu dia tidak bersambung tiang daripada bawah atas

batang tidak sambung [tiang masjid tidak bersambung kerana tidak menggunakan paku].

MZ : Boleh pak cik cerita *sikit* [sedikit] *gapo* [apa] cara pembinaan dia, dari segi kayu macam mana dia buat kan pasak tadi tu cara dia nak bina? (jenis kayu yang digunakan dan kaedah pasak yang digunakan)

PCH : Cara dia bina tu peringkat awal dia buat bawah dulu dia pakai *cagok* [cabang] buluh *pahtu* [selepas itu] dia *letak* [meletakkan] kayu *gak* [dan] apa ni dia ukuran tu dia tak buat lagi sebenarnya dulu. Dia tak buat lagi tapak dia buat rangka *dulu* [dahulu], rangka atas *dulu* [dahulu] *pahtu* [selepas itu] baru dia buat tapak. Jadi dia pasang siap-siap *gapo gak* [semua itu] *kasa jate* [kayu kasa jantan/tulang perabung] dia tanda *pah* [selepas itu] dia tulis A1 A2 pada semua kayu. *Sudah* [Siap] semua dia tanggal panggil tanggal - bawah dulu rumah dulu pun rumah batu kita dulu pun dia buat *gitu* [macam itu] juga dia buat bawah dulu. (selepas ditanda kayu akan ditanggalkan untuk kerja-kerja pemindahan)

MZ : *Start* [Mula] bawah dia tak buat dari tapak ini ke macam mana?

PCH : Dia buat suku lain tidak atas tapak. *Pahtu* [Selepas itu] dia tanam, tanam dia pecat *pahtu* [selepas itu] baru la *didirikan* [bangunkan] tiang. Maknanya mengikut ukuran *hop* [yang] tu la [asal] mengikut rangka atas tu la makna kalau dia buat rangka *gitu* [begitu] kan dia ukur lah sini *gapo* [apa] lama juga. *Pahtu* [selepas itu] pecat-pecat *gak* [dan] dia buat naik atas tiang ni pasang naik tiang *belako* [semua]. *Gak* [dan] dia naik [menaikkan] rangka *kasa jate* [kayu kasa jantan/tulang perabung], dia panggil *kasa jate* [kayu kasa jantan/tulang perabung] *hop* [yang] tu *palo* [kepala] tiang ni panjang *palo* [kepala] tiang.

Pahtu [Selepas itu] *hop* [yang] ni *kasa jate* [kayu kasa jantan/ tulang perabung] satu-satunya pelapik atap tu. Pelapik bata *dih* [kan] jadi *hop* [yang] peringkat awal ni dia kena buat rangka *hop* [yang] ni dulu. Dia buat atas tiang dulu, pasang tiang *pahtu* [selepas itu] pasang lambung, (sambil menunjukkan ke arah atap) ni lambung orang panggil *dih* [kan] lambung bawah ni *hop* [yang] ni dia ada kayu dia, kayu untuk menegakkan tiang ke tiang masuk dalam tu masuk *pahtu* [selepas itu] korek guna buluh kayu tu. (Sambil menunjukkan atap) *Pahtu* [Selepas itu] dia masuk *kotnuh* [sebelah sana], lambung jadi *pahtu* [selepas itu] sudah *alok* [belah] ni dia letak kayu untuk *bubuh* [masukkan] lantai naik atas tiang tu apa ni *palo* [kepala] tiang *dih* [kan] *bubuh* [letak] bata.

MZ : **Semua pasak *dih* [kan].**

PCH : Dia pasak ni kira untuk buat pemindahan, mudah kalau paku buang paku tu pecah *ko* [atau] retak *ko dih* [jadi] payah la, jadi kayu api kalau *bubuh* [letak] siling kalau - tak tanda pun jadi kayu api ni kalau nak pindah pula pun mungkin tiada masalah. Ceritanya Jabatan Warisan nak pindah.

MZ : **Cerita sikit [sedikit] *bakpo* [kenapa] dia nak pindah?**

PCH : Jadi dalam Metro bulan sebelas [November], lapan bulan sebelas [8 hari bulan November] beritanya *sebar* [tersebar] situ [dalam akhbar] Masjid Kampung Laut akan dipindah ke tempat asal di Kampung Laut berjumlah belanja lebih kurang tiga puluh juta [RM 30 juta], persiapan tempat dan pemindahan la *gapo* [apa] ni taman *gapo* [apa] siap tahun hadapan *ho* [jadi] gitu [begitu] *jela* [sahaja]. Jadi kalau kira *gak* [juga] tahun ni lah baru ni nya daripada Jabatan Warisan mari sini *dia* [Jabatan Warisan] buat apa ni, bajet meluluskan projek

masjid tu *dih* [kan]. Bajet masjid ni tiga puluh juta [RM 30 juta]. Saya tanya la *mari* [datang] daripada mana, *mari* [datang] daripada Jabatan Warisan. *Pahtu* [Selepas itu] *nak* [mahu] *mari* [datang] tengok masjid la, “*Selama ni sebelum pada [dari] ni pun saya tak pernah tengok lagi masjid dia [Arkitek Jabatan Warisan] kata keluasan masjid saya ingatkan kecil jah [sahaja]*” dia kata, rupanya besar, jadi bajet tu mungkin dia kata akan dibuat semula la, mungkin tak cukup.

MZ : Tiga puluh juta [RM 30 juta] tak cukup lagi?

PCH : *Pah* [Selepas itu] saya kata kalau pindah ,kalau tak pindah kata tiga puluh juta [RM 30 juta] boleh buat masjid empat lima enam *butir* [buah] kata, *pahtu* [selepas itu] kalau pindah barang dah pindah dah, ni dua [2] kali pasang dua [2] kali buat *dih* [kan] dua [2] kali pecat dua [2] kali buat jadi kalau pindah yang ketiga ni saya rasa 1/3 pun rasa *hop* [yang] asal tak dapat la kata, mungkin kita tengok bahagian bawah *hop* [yang] sambung-sambung tiang *gapo* [apa] sambung apa ni, jadi kalau pindah contoh kalau batanya sepuluh keping nak turun bawah ni pecah dua [2] keping *lancer* [waktu diturunkan] turun tu apa nak alih letak *tempat* [setempat]. *Pahtu* [Selepas itu] nak naik atas, *pahtu* [selepas itu] nak letak sana pula, *sipe* [simpan] pula, nak *akat* [angkat] *kaba-kaba* [tiba-tiba] *ninggal* [tinggal] sekeping *jah* [sahaja]. Saya kata mana *baik* [elok] kita ambil pelan ni beli bahan buat tiru sama dengan *hop* [yang] ni kayu *gapo* [apa] ni mengikut buat cara tradisional orang dulu [dahulu], alat-alat tradisional dulu dia *duk mikir* [sedang fikir] cuba naik bawa ketengah la kata kalau pindah kata sebab masjid tu apa ni siang malam kata tinggal untuk warisan untuk pelawat untuk tengok mari ambik gambar *mat salleh* [pelancong], ibu bapa mari hantar

pelajar ke *gapo* [apa] singgah, orang melawat nak g [pergi] Kota Bharu pun *kade-kade* [kadang-kadang] lalu, singgah sembahyang sunat *gapo* [apa], *pahtu* [selepas itu] dia *duk mikir* [sedang fikir] juga, dia kata, “*Dekat nga [dengan] Zohor dih [kan] tunggu kita sembahyang Zohor la dulu*”, hari tu ramai pelajar ni tak cuti *gapo* [apa] jadi ramai mari sembahyang waktu Zohor. Sudah sembahyang sunat *tubik luar* [keluar masjid] dia [mereka] tunggu sini, dia kata, “*ramai di masjid sembahyang jemaah*”. Memang setiap waktu memang penuh tiap-tiap waktu memang ada *sokmo* [selalu/setiap waktu] siang malam pun ada orang sembahyang. Jadi kalau kita kira, kalau nak pindah, kata [ada] banyak sekurang-kurangnya kena tinggal masjid lain, *pahtu* [selepas itu] belanja berapa pula sekurang-kurangnya, kalau nak *buat* [bina] masjid lain mesti cadangan oleh KIAS [Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra] *bui* [bagi] pelan suruh buat masjid *dih* [kan]. Dia [Arkitek Jabatan Warisan] pun ambil gambar tengok pelajar ramai *tubik masuk* - [keluar masuk] sembahyang *dih* [kan] kata saya akan bawa ketengah. Pahtu [Selepas itu] senyap *gitu* [begitu] tak *mari-mari* [datang-datang]. Orang [orang awam] *duk tanya* [selalu bertanya] *lagu mano* [macam mana] masjid ni, nak *mindah* [pindah] kata tak tahu lah, tunggu dan lihat kalau nak pindah-pindah, kalau *dop* [tak] pindah In Shaa Allah.

MZ : *Takdop* [tiada] keputusan lagi la. Jadi pandangan pa kcik nya pindah ke *dop* [tidak]?

PCH : Rasa tak pindah sebab protes, ramai protes, pelawat-pelawat, *mat salleh* [pelancong asing] orang nak *hop* [yang] *ori* [original/asli] tu tapi kalau pindah *denu* [di sana/di Kampung Laut, Tumpat] kalau buat *hop* [yang] sama pun mungkin *dia* [orang ramai] tahu *denu* [di sana/di Kampung Laut, Tumpat] tidak

ori [original/asli] mari sini juga, jadi sebenarnya motifnya Kampung Laut aktiviti penduduk kampung orang *kade-kade* [kadang-kadang] orang *gi* [pergi] Kampung Laut ni tujuannya nak *gi* [pergi] tengok masjid tapi *takdop* [tiada], orang *oyak* [bagi tahu] duk [terletak] Nilam Puri, jadi tak sempat lah nak beli *gapo* [sesuatu] nak *gi* [pergi] mana nak *gi* [pergi] Masjid Kampung Laut nak beli *gapo* [apa] ada di Masjid Kampung Laut *takdop* [tiada] *gapo* [apa] satu. Kalau pelajar KIAS [Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra] pun ada bersuara dah *baru ni* [hari tu], kalau jadi pindah pun dia [mereka] akan buat *belarok* [demonstrasi] ke MAIK [Majlis Agama Islam Kelantan] ke istana, makna bantahan *toksey bui* [tak bagi] pindah, *payah* [susah] *demo* [mereka] *duk buat duk ngaji sini belako* [duduk buat duduk mengaji di sini semua], masa *demo* [mereka] belajar kan, duk *ngapa* [menghafal] *gapo* [apa] sini masjid jadi *supo* [seperti] rumahtangga, tempat ibadah, pula pindah. Kalau jalan pun sepatut kalau boleh *lari, lari* [elak], ni *hop* [yang] ada tetap dah sini, saya rasa jabatan [Jabatan Warisan] ni tak tahu, dia [mereka] ingat masjid ni mari pindah dulu sebagai apa ni orang mari melawat, orang mengunjung [berkunjung], tak tahu apa fungsi masjid, mari tinggal jadi masjid ni bawah Jabatan Warisan jadi mungkin tak tahu la, tunggu dan lihat *gitu* [dahulu] *tokleh* [tak boleh] nak kata la. *Duk* [gerak hati] rasa tak jadi kalau pindah pecat saya rasa *gak* [kan] tak tahu la *tuke* [tukang] dulu *nga* [dengan] *tuke* [tukang] *lonie* [sekarang ni] duk *raso* [berasa] *tuke* [tukang] *loni* [sekarang ni] dia kata [cakap] nak suruh siap berapa hari boleh, sebulan dia *tuke* [tukang] *hop* [yang] *rombok* [robuhkan] pun *hop* [yang] pasang orang *tulo* [sama], orang ada keseniaan kayu *belako* [semua] dah *loni* [sekarang ni] boleh *belako* [semua] nak *romboknyo* [robokkannya]. *Bui* [bagi] tukul *so* [sebatang] *gak bereh* [ok sahaja], *katok* [pukul] jela, kena ada

arkitek *gapo* [apa]. Dulu ni saluran air, takungan air. (sambil menunjukkan kearah bumbung masjid)

MZ : Kalau tengok *dop* [kan] masjid ni tiga tingkat, *dia* [masjid ni] *dop* [kan] fungsi setiap tingkat ni *gano* [macam mana] cerito *hop* [yang] dalam duhulu *dop* [boleh]? (sambil berjalan ke dalam masjid)

PCH : Tebal lantai ni lebih kurang empat sentimeter [4cm], lima sentimeter [5cm] tebal. Ketebalan *dia* [lantai] sama tebal dengan *bendul* [ruang] *hop* [yang] luar tu.

MZ : Kayu *dia* tu.

PCH : Kayu cengal semua *dia* korek *dih* [kan], *dia* masuk dalam ni separuh pasak, *bubuh* [letak] kayu *bubuh* [letak] buluh nak *pecat* [buka] *semula* [kembali] *dia* kena tolak atas, tak guna engsel, *dia* guna pasak *gini* [macam ini] (Pak Cik Hussin menerangkan sambil menunjukkan ke arah pintu masuk masjid Kg Laut). *Takdop* [Tiada] kesan mana la pintu, *dia* ada tiga belas [13] *butir* [biji] pintu.

MZ : Mimbar macam mana pula, mimbar?

PCH : Mimbar tu *dia* ikut asal mimbar ni duduk di masjid *nuh* [sana] Masjid Pasir Pekan asal *dia* lebih kurang *jah* [sahaja] *design* [reka bentuk] bentuk *dia* lebih kurang dengan *hop* [yang] asal. Jadi sekarang ni *duduk* [terletak] di Pasir Pekan, *dia* ada panji tapi *hop* [yang] ni mari buat sini, lebih kurang *jah* [sahaja] *hop* [yang] ni *dia* ada panji. *Hop* [yang] ni *dia* panggil *bendul* [ruang luar masjid] ni tingkat jadi mungkin *hop* [yang] atas ni tempat muslimat duduk *dih* [kan], tempat orang *jate* [lelaki] duduk sini, jadi masa *dia* nak keluar saf pertama tu,

ada masalah sikit nak *tubik* [keluar] awal, dia *tubik* [keluar] *kotni* [melalui lorong ini] jadi tembus ke luar (Pak Cik Hussin bercerita sambil menunjukan lorong), ni ke pintu luar sini dia buat bilik la, (Pak Cik Hussin menunjukan bilik) ni bilik untuk *hop* [yang] ni untuk orang perempuan *hop nu* [sebelah sana] orang lelaki, masa saf pertama nak *tubik* [keluar] keluar [luar masjid] *gak* [kan] lalu *kotni* [sebelah sini] dia tak payah lintas saf kedua ketiga.

MZ : *Setengah* [Pendapat] tu ada *kata* [mengatakan] tingkat ketiga ni untuk tempat kotor sikit, ke apa pandangan pak cik, tempat nombor satu ni baru tempat *supo* [seperti] tinggi sikit selamat, bersih, dia *beza* [berbeza] tu, macam mana tu kalau ikut *hop* [yang] pak cik sejarah [sejarah orang dahulu]. (Sambil Zahril menunjukan tingkat yang terdapat dalam masjid tersebut).

PCH : Kalau mengikut sejarah saya la, kalau mengikut saya la, ni pandangan saya *dih* [kan], dia *bendul* [ruang] ni motif dia banyak sebenarnya, kalau tempat makan pun dia boleh guna *bendul* [ruang] juga, meja Jepun kan, meja Jepun ni dia guna sedang molek *selo* [bersila] makan apa ni ada fungsi dia la *gapo* [apa] dia, wakaf tu tinggi tengah kan, jadi kalau orang makan *gak* [kan] makna duduk *selo* [bersila]. (Pak Cik Hussin menunjukan cara duduk untuk makan).

MZ : Kalau macam ni boleh juga *dop* [kan] sebagai guru dia boleh *duk* [duduk bersila] atas ni (Zahril menunjukan ke arah tingkat satu) murid-murid *duk* [duduk bersila] bawah *dop* [kan] boleh juga tempat mengajar.

PCH : *Ho* [Ya] boleh juga.

MZ : Memang asal *sliding door* [pintu roda] dah? (sambil menggerakkan jendela)

PCH : Kalau bunyi tu *serupa* [sama] ada *rail* [jalan] ada tayar *dih* [kan].

MZ : Padahal *takdop* [tiada] pun.

PCH : Saya pun tak tahu orang kata *takdop* [tiada roda] tapi dia bunyi serupa [seperti] ada benda [roda] *dih* [kan].

MZ : Dia [masjid ini ada] berapa semua jendela ada?

PCH : Enam [6] butir [biji jendela].

MZ : Oh, pintu tiga belas [13], jendela enam [6].

PCH : *Takdop* [tidak] *bubuh* [letak] minyak *gapo* [apa] ni. (sambil menggerakkan jendela)

MZ : Licin molek *dop* [kan]? (sambil menggerakkan jendela)

PCH : Kayu dia kayu cengal kan tapi dia bunyi unik.

MZ : *Serupa* [seperti] ada roda *dop* [kan], boleh ke orang *lonie* [zaman sekarang] buat *lagu* [macam] ni *dop* [kan]?

PCH : Tempat asal tak guna paku *belako* [semua], fungsinya dia senang nak pecat, fungsi dia motif dia ni sebenarnya bila buat pemindahan ataupun nak pindah nak tukar bahan tu kan dia senang la, kalau dia pasak.

MZ : Ni *gapo* [apa] ni, *bakpo* [kenapa macam ni]?

PCH : *Loteng* [Ruang atas] atas ni, *loteng* [ruang atas] tu untuk apa ni, tempat simpan barang-barang buat stok bata *ke* [atau] alat-alat kerosakan *gapo* [apa] kan.

MZ : Oh *loteng* [ruang atas] atas tak tinggi mana *dop* [kan]?

PCH : Dia guna tangga, angkat la sininya.

MZ : Oh, dia ado tangga sini.

PCH : Tangga angkat buang. Motif dia tak tahu, motif dia menunjukkan bahawasanya menunjukkan tempat beribadatlah sini. Atas tu Allah yang satu [1] dih [ya] bawah naungan Dia [Allah] lah. Diambil oleh KIAS [Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra] buat jalan jadi masa tu muzium serah *ko* [kepada] KIAS [Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra] la buat jalan *gapo* [apa] ni buang habis licin situ *pahtu* [selepas itu] tepi ni kalau mengikut gambar dia *hop* [yang] asal dia ada pokok *gotu* [pokok kelapa] tepi ni dia ada pokok tinggi, pokok daun panjang, pokok *nama buang habis* [semua buang habis]. Jadi *hop* [yang] asalnya *takdop* [tiada] dah la *hop* [yang] asal, *pahtu* [selepas itu] di koperasi dulu, koperasi *nga* [dengan] kantin tu, tepi tu dia tempat berehat tempat pengunjung berehat, situ [di sana] dia guna meja, meja kayu. *Pahtu* [Selepas itu] kerusi kayu panjang tempat orang berehat situ la. Masa *mengunjung* [pengunjung] *gapo* [apa] menunggu *ambik* [ambil pelajar] KIAS [Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra] *takdop* [tiada] dah la asal dia mengikut dalam gambar ni pun, *gini* [begini] gambar dia memang beduk ni dia *duduk* [terletak] di *denu* [Masjid Besar Pasir Pekan] juga ni *duk* [terletak] sana lagi.

MZ : Oh dia tak pindah beduk?

PCH : Beduk dia ni tujuannya untuk *gapo* [apa] untuk *manggil dih* [memberitahu] masuk waktu azan, ada kematian, dia ada kalau tak silap saya. Kalau orang perempuan mati orang tua dia dua [2] kali rasa (perempuan tua beduk dipukul sebanyak dua kali). Orang lelaki tua sekali *palu* [pukul] *derah* [kencang] sekali, jadi masa [waktu] tu orang tahu dah ada kematian, ni berita menyampaikan berita kematian.

MZ : **Beduk ni *duk* [ada di] mana *lonie* [sekarang ini] *duk* [adakah terletak] di Masjid Muhammadi?**

PCH : Masjid Muhammadi *takdop* [tiada] dah, dia pindah *gi* [letak] masjid apa ni, Pasir Pekan.

MZ : **Oh *duk* [ada] situ pula beduk, masjid baru.**

PCH : Jadi imam masjid ni tidak benar pihak muzium pindah ke sini apa ni [Nilam Puri].

MZ : ***Dia* [beduk] *so* [satu] ni kan di Kelantan. Beduk ni tengok ada di Masjid Muhammadi.**

PCH : Tapi banyak tempat ada.

MZ : ***Original* [Asli/Asal] *dia hop* [yang] tu la.**

PCH : Ni apa ni *kayu gotu* [tongkat] imam baca khutbah tongkat tu *dih* [kan].

MZ : **Ni daripada zaman ulama' tu lagi tongkat ni?**

PCH : *Ho yo* [Ya], *kade-kade* [kadang-kadang] ada setengah tu dia guna buluh pun

ada, rotan pun ada, guna *palo* [kepala] dia asal daripada buat *nga* [menggunakan] tulang lembu, tulang kerbau, masa dia nak buat ni dia senang *jah* [sahaja] masa dia belum jemur ni dia lembik la, boleh tarik kan *dih* [ya], *pahtu* [selepas itu] bila keras kan dia jadi terik [tegang] la, dia ambil dia jemur panas, baru ni [hari tu] kita [Jabatan Musium Negeri Kelantan] nak *gi* [pergi] ambil *bubuh* [letak] sini [Nilam Puri] nak *buh* [letak] di Masjid Kampung Laut, ada di Paloh Rawa *gi* [pergi] cari-cari *gi* [pergi] tengok-tengok, tinggal ibu sahaja, ibu sahaja tinggal, *hop* [yang] ni *takdop* [tiada] habis *nyo ambil* [di ambil] apa ni orang curi buat pelaris. Tok imam kata buat pelaris orang jual [orang berniaga].

MZ : ***Ho* [Oh] boleh habis *dih* [ya]?**

PCH : Habis *takdop* [tiada] dia *tebuk* [korek] lubang sini, dia *bubuh* [letakkan] *nat* [skru] kan *dih* [ya] *hop* [yang] ni pun habis *takdop* [tiada] tinggal ibu, kita [Jabatan Musium Negeri Kelantan] nak *gi* [pergi] ambil dia pun *rego* [harga] mahal masa tu [waktu itu] *rego* [harga] lima ribu [RM 5,000].

MZ : **Orang kampung *bubuh* [letak] *rego* [harga]?**

PCH : Ahli jawatankuasa dia la lima ribu [RM 5,000], *pahtu* [selepas itu] tak jadi *pahtu* [selepas itu] memang buat tawaran ambil la nak berapa bayar buat sumbangan masjid *hop* [yang] ni dia ambil habis ni untuk buat pelaris (kedengaran bunyi azan) *beres* [ok] la *dih* [ya].

MZ : **Terima kasih la.**

TAMAT BAHAGIAN KE 4 DAN BERAKHIR SESI TEMURAMAH

LAMPIRAN

LOG TEMUBUAL

LOG TEMUBUAL

Muhammad Zahrilyuhaiza bin Mohd Zahari dan Aminnoor Manja bin Mat Zain telah menemubual Encik Hussin bin Hassan atau dengan panggilan mesra iaitu Pak Cik Hussin. Beliau merupakan penyelia Masjid Kampung Laut dan merangkap sabagai tokoh untuk ditemubual. Beliau menetap di Kampung Kedai Piah, Ketereh, Kelantan. Sesi temubual berlangsung di Anjung Masjid Kampung Laut di Nilam Puri. Temubual dijalankan untuk mengetahui kisah-kisah Masjid Kampung Laut seperti asal-usul masjid, faktor perpindahannya ke Nilam Puri dan keunikan senibina dan struktur Masjid Kampung Laut.

BAHAGIAN 1

MASA	PERKARA YANG DIBINCANGKAN	NAMA/TEMPAT YANG DIRUJUK
0:22	Latar belakang tokoh	1) Hussin Bin Hassan 2) Pak Cik Hussin 3) Abang Hussin 4) Cikgu 5) Machang 6) Kampung Awak 7) Kedai Piah 8) Ketereh 9) Nilam Puri 10) Sekolah ITM [UiTM] 11) Masjid Kampung Laut 12) Tanah Merah 13) UiTM [Universiti Teknologi MARA] 14) IKM [Institut Kemahiran MARA] 15) UMK [Universiti Malaysia Kelantan] 16) UM [Universiti Malaya] 17) Kolej Kemahiran Tinggi MARA

BAHAGIAN 2

MASA	PERKARA YANG DIBINCANGKAN	NAMA/TEMPAT YANG DIRUJUK
7:55	Asal-usul Masjid Kampung Laut	1) Ulama' 2) Aceh[Indonesia] 3) Pattani [Thailand] 4) Kampung Laut 5) Cengal 6) Kelantan 7) Raja Kampung Laut 8) Jalan Gajah Mati 9) Raja Gajah Mati 10) Nilam Puri 11) Kota Bharu 12) KIAS [Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra] 13) YIK [Yayasan Islam Kelantan] 14) UM [Universiti Malaya] 15) Pejabat Jajahan 16) Jambatan Sultan Yahya 17) Sungai Durian 18) Kuala Lumpur 19) Bunut Payung 20) Mubaligh 21) Brunei [Masjid Brunei] 22) Masjid Demak [Jawa Timur] 23) Kemboja 24) Raja Perempuan Temenggong 25) MAIK [Majlis Agama Islam Kelantan] 26) Jabatan Warisan 27) Encik Salleh Akib

BAHAGIAN 3

MASA	PERKARA YANG DIBINCANGKAN	NAMA/TEMPAT YANG DIRUJUK
31:50	Faktor perpindahan Masjid Kampung Laut ke Nilam Puri	1) KIAS [Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra] 2) Pejabat Tanah Kota Bharu 3) Kampung Laut 4) Datuk Asri 5) Nilam Puri

BAHAGIAN 4

MASA	PERKARA YANG DIBINCANGKAN	NAMA/TEMPAT YANG DIRUJUK
39:38	Senibina dan struktur Masjid Kampung Laut	1) Kemahiran Mara [Kolej Kemahiran Tinggi Mara] 2) Tingkat Tiga 3) Sultan Muhammad ke II 4) Sultan Muhammad 5) Jawa 6) China 7) Melayu Nusantara 8) Thailand 9) Masjid Kampung Laut 10) Masjid Beijing 11) Jabatan Warisan 12) Metro 13) Kota Bharu 14) KIAS [Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra] 15) Nilam Puri

		16) MAIK [Majlis Agama Islam Kelantan] 17) Cengal 18) Mimbar 19) Masjid Pasir Pekan 20) Pasir Pekan 21) Jepun 22) Beduk 23) Masjid Muhammadi
--	--	---

DIARI KAJIAN

DIARI KAJIAN

Masa	Tarikh	Perkara	Tindakan
8:00 - 10:00 pg	17.3.2016	-Membuat pemilihan topik. -Setelah berbincang, penyelidik bersetuju untuk memilih topik Masjid Kampung Laut sebagai topik untuk diselidik.	-Memilih topik yang kebanyakan masyarakat tidak mengetahui kisah sebenarnya.
10:00pg - 1:00tgh	20.3.2016	-Mencari maklumat yang berkaitan dengan Masjid Kampung Laut.	-Pencarian maklumat dilakukan melalui laman sesawang.
2:00-3:00ptg	22.3.2016	-Pergi ke KIAS di Nilam Puri untuk mengenalpasti tokoh yang layak untuk menceritakan kisah Masjid Kampung Laut.	-Berjumpa dengan kerani KIAS.
3:00 - 3:30ptg	22.3.2016	-Mengambil nombor telefon penyelia yang bertindak sebagai tokoh Masjid Kampung Laut.	-Menelefon beliau untuk membuat temujanji untuk berjumpa.
3:30 - 5:00ptg	22.3.2016	-Melawat Masjid Kampung Laut di Nilam Puri	- Melihat sendiri dengan lebih dekat keadaan Masjid Kampung Laut.
11:00pg - 1:00ptg	03.4.2016	-Mengadakan perjumpaan pertama dengan penyelia Masjid Kampung Laut di Nilam Puri	-Mendapatkan biodata penyelia iaitu Pak Cik Husin. -Membuat temujanji untuk menemuramah

			beliau.
4:30 ptg - 5:00 ptg	17.4. 2016	- Menghantar proposal	- Menghantar proposal terus kepada pensyarah untuk disemak sama ada meneruskan kajian melalui tajuk ini atau tidak.
11:30 pg - 2:00 ptg	21.4.2016	- Mengadakan perjumpaan dengan penyelia Masjid Kampung Laut	- Menemubual penyelia Masjid Kampung Laut iaitu Encik Hussin dengan menanyakan beberapa soalan mengenai asal-usul Masjid Kampung Laut, sebab perpindahan, seni bina dan struktur.
10:00 mlm - 12:00 mlm	5.5.2016	- Menaip transkrip	- Mendengar rakaman dan menaip setiap perkataan yang terdapat dalam rakaman.
2:30 ptg - 4:00 ptg	18.5.2016	- Membentangkan hasil kajian.	- Penyelidik menceritakan serba sedikit mengenai kajian yang dilakukan kepada pensyarah dan pelajar.
4:45 ptg - 5:00 ptg	23.5.2016	- Menghantar draf transkrip.	- Penyelidik menghantar draf transkrip untuk di semak

4:00 ptg - 6:00 ptg	5.6.2016	- Menyemak transkrip.	- Perbetulkan kesalahan yang ada.
8:30 pg - 9:00 pg	8.6.2016	- Menghantar transkrip.	- Penyelidik. menghantar transkrip untuk di buat ' <i>Hardcover</i> '.
8:00 pg - 10:00 pg	16.6.2016	- Menghantar transkrip lengkap.	- Penyelidik menghantar hasil kerja mereka kepada pensyarah yang lengkap dengan ' <i>hardcover</i> '.

SENARAI SOALAN

SENARAI SOALAN

BAHAGIAN 1 : LATAR BELAKANG TOKOH

1. Apakah nama penuh pak cik?
2. Apakah nama panggilan pak cik?
3. Berapa umur pak cik?
4. Pak cik berasal dari mana?
5. Bilakah pak cik dilahirkan dan lahir dimana?
6. Berapa adik beradik pak cik?
7. Pak cik anak keberapa?
8. Apakah nama isteri pak cik?
9. Apakah pekerjaan isteri pak cik?
10. Pak cik ada berapa orang anak?
11. Adakah anak-anak pak cik sudah bekerja?
12. Sekarang pak cik menetap dimana?
13. Dimanakah pendidikan awal pak cik?
14. Selepas itu, dimana pula pak cik lanjutkan pelajaran pakcik?
15. Apakah kaitan pak cik dengan Masjid Kg Laut?
16. Apakah pekerjaan pak cik sebelum menjadi penyelia Masjid Kg Laut?
17. Kami dimaklumkan bahawa pakcik adalah pegawai muzium negeri Kelantan dan di tugaskan sebagai penyelia Masjid Kg Laut, mengapa pak cik yang ditugaskan?
18. Sudah berapa lama pak cik bertugas sebagai penyelia Masjid Kg Laut?
19. Adakah pak cik menjadi penyelia sepenuh masa Masjid Kg Laut?
20. Sebagai penyelia, apakah tugas pak cik setiap hari terhadap masjid ini?
21. Adakah itu rutin harian pak cik?

22. Adakah pak cik ada pembantu untuk menolong pak cik menyelia masjid ini?
23. Selain menjadi penyelia masjid, apakah tugas atau pekerjaan lain pak cik?
24. Adakah masjid ini selalu dikunjungi oleh pelawat?
25. Biasanya atas tujuan apa mereka melawat masjid ini, adakah untuk buat selidik atau sekadar melawat?

BAHAGIAN 2 : ASAL USUL MASJID KAMPUNG LAUT

1. Bila masjid ini dibina?
2. Berapakah umur masjid ini?
3. Tempoh yang diambil bagi menyiapkan masjid ini?
4. Adakah masjid ini dibina sehingga siap ataupun ada yang baik pulihkan masjid ini sehingga siap?
5. Ada pendapat mengatakan masjid ini hanya dibina seperti wakaf sahaja tanpa adanya dinding?
6. Adakah Masjid Kg Laut merupakan masjid tertua di Malaysia atau Asia Tenggara?
7. Siapa yang membinanya?
8. Adakah mereka itu mubaligh atau pedangang?
9. Mengapa ianya dibina?
10. Dimana kawasan asal pembinaannya?
11. Mengapa ia dibina di kawasan tersebut?
12. Adakah ianya tempat persinggahan mubaligh atau pedagang tersebut?
13. Adakah masjid ini digunakan oleh penduduk sekitar kampung tersebut setelah para mubaligh atau pedagang tersebut meninggalkan masjid itu?
14. Adakah penduduk kampung menjaga masjid tersebut selepas itu?

15. Masjid ini dikatakan sangat tinggi, benarkah gajah boleh melalui di bawah masjid ini?
16. Tetapi mengapa keadaan masjid sekarang tidak tinggi seperti sebelum ia dipindahkan?
17. Selain pusat ibadat, apakah tujuan masjid ini dibina?
18. Adakah ianya menjadi pusat penyebaran agama Islam pada masa itu?
19. Adakah pada masa itu pengaruh agama Islam kuat di kawasan Kg Laut itu?
20. Impak masjid kepada orang tempatan?
21. Adakah sekarang masjid ini menjadi pusat dakwah agama Islam setelah berpindah di Nilam Puri?
22. Sekarang masjid ini dibawah pengurusan siapa, adakah muzium atau kerajaan negeri Kelantan?
23. Sebelum ini, siapa yang menguruskan masjid ini?
24. Pada pendapat pak cik, adakah masjid ini menjadi satu khazanah yang bernilai kepada negara kita?
25. Adakah masjid ini harus dikekalkan untuk sepanjang zaman?
26. Adakah masjid ini dibuka setiap hari kepada orang awam untuk melawat?
27. Adakah kisah Masjid Kg Laut ini telah dibukukan dan diterbitkan oleh pihak muzium?

BAHAGIAN 3 : FAKTOR PERPINDAHAN

1. Kenapa masjid ini dipindahkan?
2. Ada pendapat mengatakan masjid ini dihanyutkan oleh banjir hingga ke Nilam Puri. Benarkah?

3. Ada juga mengatakan masjid ini dirobohkan dan dibina kembali di Nilam Puri menggunakan kayu asal?
4. Pada tahun bilakah ianya dipindahkan?
5. Mengapa ianya dipindahkan ke Nilam Puri?
6. Adakah ianya dipindah ke Nilam Puri ini disebabkan ada pusat pengajian seperti KIAS?
7. Adakah KIAS ini wujud sebelum atau selepas masjid ini dipindahkan?
8. Siapakah yang mengarahkan masjid ini berpindah ke Nilam Puri?
9. Sebelum ianya dipindahkan, ada yang mengatakan masjid ini telah rosak teruk setelah dilanda banjir “bah merah” semasa berada di Kg Laut, adakah ianya benar?
10. Setelah dilanda banjir itu, adakah ianya dibaik pulih oleh penduduk kampung terlebih dahulu sebelum diambil alih oleh pihak kerajaan?
11. Siapakah yang melakukan kerja-kerja meroboh masjid di tempat asal dan mendirikan semula masjid ini di tempat baru?
12. Berapa lama tempoh untuk melakukan proses pemindahan masjid ini?
13. Adakah ianya masih menggunakan 100% bahan-bahan asal seperti kayu dan atap setelah ianya dipindahkan?
14. Siapakah yang menanggung kos untuk membuat pemindahan masjid dari Kg Laut ke Nilam Puri?
15. Adakah ada penambahbaikan terhadap masjid ini setelah ianya dipindahkan?
16. Adakah peralatan elektrik seperti kipas dan lampu ditambah selepas ianya dipindahkan atau sebaliknya?
17. Sepanjang tempoh ianya dipindahkan disini, adakah masih ada masalah yang timbul, seperti kebocoran atap atau sebagainya?

18. Sekarang masjid ini berada dalam kawasan KIAS, adakah pihak KIAS pun bertanggungjawab untuk menjaga masjid ini bersama?
19. Adakah masjid ini dijadikan masjid utama oleh pihak KIAS?
20. Siapakah yang diberi tanggungjawab untuk menguruskan masjid ini, adakah pihak muzium negeri Kelantan atau pihak KIAS setelah ianya dipindahkan disini?
21. Ada yang mengatakan masjid ini diberi hak bersama kepada pihak KIAS untuk mengurusnya, adakah ianya betul?

BAHAGIAN 4 : SENI BINA DAN STRUKTUR MASJID

1. Berapa ketinggian Masjid Kg Laut?
2. Disebabkan ketinggian masjid ini, ada mengatakan Raja Kg Laut telah menambat gajahnya untuk solat di masjid ini?
3. Benarkah Sultan Muhammad keempat telah memerintahkan orang untuk menggali dasar tiangnya?
4. Adakah mereka menemui dasarnya?
5. Seni bina diambil dari negara mana?
6. Mengapakah masjid ini dibina menggunakan atap berbentuk piramid?
7. Apakah jenis atap yang digunakan?
8. Apakah kaitan piramid dengan orang tempatan pada ketika itu?
9. Pada awal pembinaan, dikatakan masjid ini tidak mempunyai bumbung, benarkah?
10. Mengapa perkara sedemikain dilakukan?
11. Jika dilihat pada struktur binaannya, masjid ini hanya menggunakan pasak dan tidak menggunakan paku?
12. Bagaimana mereka lakukan?

13. Ada pandangan mengatakan pada awalnya masjid ini dibina tanpa adanya kubah?
14. Berapa tingkat masjid ini?
15. Fungsi tingkat 1?
16. Fungsi tingkat 2?
17. Fungsi tingkat 3?
18. Masjid ini mengambil kebudayaan dari negeri mana?
19. Mengapa ambil kebudayaan dari sana?
20. Cara pembinaan masjid?
21. Jenis kayu yang digunakan?
22. Seni bina masjid seperti istana, adakah masjid ini juga berfungsi sebagai istana pada zaman itu?
23. Jika ya, siapakah raja ketika itu?
24. Apakah kaitan seni bina masjid ini dengan orang tempatan?
25. Benarkah selepas kedatangan islam baru kubah dibina?
26. Adakah benar kubah dibina untuk membezakan masjid dengan gereja?
27. Adakah senibina masjid ini unik ?

SURAT PERJANJIAN



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
Machang, Kelantan

PERJANJIAN MENGENAI SEJARAH LISAN

Syarat-syarat mengenai wawancara yang telah diadakan antara Universiti Teknologi MARA dengan ENCIK HUSSIN BIN HASSAN Pada 21 APRIL 2016

1. Pita rakaman hasil wawancara yang tersebut di atas adalah diserahkan kepada Universiti Teknologi MARA untuk disimpan buat selama-lamanya.
2. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA akan mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu untuk memelihara pita rakaman ini.
3. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA boleh membuat transkrip pita rakaman dan transkrip-transkrip ini perlu/tidak perlu disemak oleh pengkisah (interviewee).
4. Pita rakaman/transkrip ini akan dibuka kepada semua penyelidik sama ada dari Malaysia atau luar negeri yang bertujuan membuat penyelidikan yang sah tanpa syarat-syarat / dengan syarat:
Apabila petikan diambil dari pita rakaman/transkrip ini untuk digunakan di dalam penerbitan, tesis dll. sumbernya hendaklah diakui oleh penyelidik-penyelidik.
5. Adalah dipersetujui bahawa pita rakaman/transkrip ini akan dibuka kepada penyelidik-penyelidik dalam dan luar negeri mulai dari (tarikh) dan tidak boleh dikeluarkan dalam sebarang media sosial atau tujuan penkomersilan.

Dipersetujui pada 21 APRIL 2016 oleh kedua pihak yang berkenaan.



#####

(HUSSIN BIN HASSAN)


Pengkisah

Dr. Mohd Nasir Bin Ismail,
Ketua Pusat Pengajian,
Fakulti Pengurusan Maklumat
UiTM Kelantan.

GAMBAR

GAMBAR







RUJUKAN

RUJUKAN

Hussin bin Hassan (wawancara, 21 April 2016). *Wawancara berkaitan dengan Masjid Kampung Laut*. Diwawancara oleh Muhammad Zahrilyuhaiza bin Mohd Zahari dan Aminnoor Manja bin Mat Zain. Kota Bharu:Kelantan.

INDEKS

INDEKS

A

Acheh 7, 14, 15

air 8, 11, 12, 24, 27, 28, 34,

angkat 9, 10, 31, 37

atap 23, 26, 28, 30

azan 17, 25, 26, 38, 39

B

Banjir 8, 9, 10, 11, 14, 16, 20, 21, 27,
28,

batik 2, 6

beduk 37, 38

Beijing 28

bola 12, 13

Brunei 15,

buluh 10, 14, 29, 30, 34, 38

C

cabut 14

cantum 14

catur 14

cengal 7, 34, 36

China 28

cucu 10, 24

D

Daftar 17

dakwah 19

datuk 11, 22

Demak 15

E

elektrik 4, 5, 23, 25

F

faktor 1, 20

fiber 24

fungsi 17, 33, 34, 35, 36

G

gajah 8, 16

gali 27

gerudi 7

ghaib 13

H

hakisan 10, 20, 27

hanyut 20

hitam 12, 24

Hussin 1, 2, 5, 6, 14, 34, 35

I

ibadah 17, 33

J

jarak 2

Jawa 8, 15, 28, 39

jenazah 10, 11, 17

K

kaedah 29

kapak 7

Kedai Piah 2

KIAS 9, 12, 17, 18, 19, 21, 32, 33, 37

koko 24, 25

kolah 11, 12, 28

khutbah 17, 38

L

Lukis 2, 5

Lukisan 5, 6

M

Machang 2, 3, 6

MAIK 17, 33

Metro 30

motif 18, 26, 28, 33, 35, 36, 37

mubaligh 14, 15

muzium 2, 3, 4, 8, 18, 19, 21, 37, 38

N

nazar 15

bernazar 7, 15

Nilam Puri 1, 2, 9, 22, 33, 38, 39

Nusantara 28

P

pahat 7

pasak 8, 14, 29, 30, 34, 36

pasir 8, 27, 28, 34, 37, 38

Pattani 7, 15

pejabat 9, 19, 21

pelan 5, 22, 25, 31, 32

penyelia 3, 4

penyelidik 1

pindah 3, 5, 9, 10, 11, 12, 13, 19, 20, 21,
22, 23, 25, 30, 31, 32, 33, 36, 37,
38

piramid 26, 28

protes 32

Q

Quran 11, 12, 17

R

Raja 8, 9, 15, 16, 17, 23, 27

roboh 8, 9, 10, 27

runtuh 8, 20

S

seni bina 1, 5, 13, 22, 25, 28

struktur 1, 25

sungai 7, 8, 10, 11, 15, 27, 41

T

Tanah Merah 3

tarikh 9

tertua 7, 8, 15, 19

Thailand 7, 15, 28

tiang 7, 8, 10, 13, 14, 16, 24, 26, 27, 28,
29, 30, 31

tokoh 1

tukul 33

U

UiTM 1, 3, 5

ukuran 5, 25, 29

ulama' 7, 13, 14, 15, 18, 19, 28, 38, 41

UM 5, 9

UMK 5

Unik 36

W

wakaf 5, 13, 35

warisan 9, 18, 21, 24, 30, 31, 32, 33

Y

YIK 9

Z

zaman 28, 36, 38

zink 24